

08/12/2003

Nama digugur perkara biasa

KOTA BHARU: Penyusunan yang dibuat pucuk pimpinan tertinggi Umno yang membabitkan pengguguran empat ketua Umno bahagian adalah perkara biasa, kata veteran Umno, Tan Sri Hussein Ahmad.

Beliau berkata, perubahan itu sebagai langkah memperkuatkan parti bagi menghadapi parti lawan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak yang terbabit menerima kenyataan bahawa mereka digugurkan daripada jawatan masing-masing adalah perkara biasa.

"Kita kata Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) berhenti daripada Presiden (Umno), kalau dia tidak berhenti pun, dia kena tukar juga. Orang kata dia kena pecat juga.

"Tunku Abdul Rahman (bekas Perdana Menteri) berhenti, orang kata Tunku kena pecat juga, tetapi dia dipecat secara lain dan saya pula dipecat secara lain. Ini biasa dalam politik.

"Pada saya, dalam politik sebenarnya tidak ada istilah pengguguran, pemecatan atau penyingkiran.

"Kesimpulannya, selagi mereka yang terbabit mahu menjadi ahli politik, mereka mesti menerima hakikat ini," katanya kepada pemberita pada majlis Aidilfitri anjuran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Ibu Pejabat Kada di sini, semalam.

Beliau mengulas pengguguran empat ketua Umno bahagian di Kelantan iaitu Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Tuan Hashim Tuan Yaakob (Kubang Kerian), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Bachok) dan Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai), pada 22 November lalu.

Semalam, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Muhamed, turut kesal dengan tindakan pihak tertentu termasuk penyokong Pas dan segelintir ahli Umno yang memasang kain rentang serta menyebarkan risalah mempertikaikan pengguguran empat ketua bahagian Umno terbabit.

Hussein yang juga bekas Ketua Penerangan Umno, berkata apa yang penting dalam politik, mereka yang terbabit seharusnya patuh dan perlu menerima keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti dengan hati terbuka.

Katanya, perubahan itu tidak seharusnya dilihat secara negatif oleh mana-mana pihak kerana ia selaras dengan amalan demokrasi yang diamalkan oleh parti.

"Kita semua berpegang kepada amalan demokrasi dan selagi parti kita mengamalkan demokrasi, ia tetap memberi peluang kepada mereka yang terbabit bertanding semula," katanya.